



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

...

Berita  
Online

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

**Untuk makluman:**

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 23 April 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**



## 9,000 liter minyak petrol bersubsidi dirampas

Oleh FARDY BUNGGA

LAHAD DATU: Pasukan Polis Marin (PPM) menyerbu sebuah premis dan berjaya merampas 9,000 liter minyak petrol bersubsidi yang diperdayai cuba diselewengkan dalam operasi di Jalan POIC, di sini, semalam.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Mohd Nazri Ibrahim berkata, operasi dilaksanakan selepas menerima maklumat risikan berhubung aktiviti kegiatan berkenaan di sekitar daerah berkenaan.

Katanya, hasil serbuan

yang dijalankan, pasukan operasi berjaya mengejar dan merampas 17 unit drum plastik berwarna biru pelbagai saiz.

"Pasukan serbuan turut berjaya merampas lima unit tangki IBC L dan dua tangki Fibre berisi minyak petrol bersubsidi.

"Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan sebanyak RM50,700 dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam kenyataan media.

Mohd Nazri berkata, seorang lelaki tempatan

turut ditahan selepas gagal mengemukakan sebarang permit sah daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN).

Sehubungan itu, Mohd Nazri memohon kerjasama orang ramai untuk menyururkan maklumat berhubung sebarang kegiatan penyeludupan barang subsidi kerajaan.

"PPM mengalu-alukan maklumat daripada orang awam dalam usaha membanteras kegiatan ini dari pada terus berleluasa," katanya.



LOKASI .... Semua minyak petrol bersubsidi yang dirampas diserahkan kepada KPDN.

## 9,000 liter petrol disyaki cuba diseleweng dirampas

Oleh Hamzah Sanudin

**LAHAD DATU:** Sebanyak 9,000 liter minyak petrol bersubsidi dirampas selepas dipercayai cuba diseleweng dalam serbuan di sebuah premis di Jalan POIC, di sini, pada Isnin.

Komander Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Mohd Nazri Ibrahim berkata, pihaknya menerima maklumat risikan berhubung aktiviti kegiatan berkenaan di sekitar daerah Lahad Datu.

Katanya, hasil serbuan

yang dijalankan, pasukan operasi berjaya mengesan dan menahan seramai 17 unit drum plastik berwarna biru pelbagai saiz.

“Pasukan serbuan turut berjaya merampas lima unit tangki IBC L dan dua tangki Fibre berisi minyak petrol bersubsidi.

“Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan sebanyak RM50,700 dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Mohd Nazri berkata, se-

orang lelaki tempatan turut ditahan selepas gagal mengemukakan sebarang permit sah daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Sehubungan itu, Mohd Nazri memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan maklumat berhubung sebarang kegiatan penyeludupan barang subsidi kerajaan.

“PPM mengalu-alukan maklumat daripada orang awam dalam usaha membanteras kegiatan ini daripada terus berleluasa,” katanya.



**LOKASI:** Semua minyak petrol bersubsidi yang dirampas diserahkan kepada KPDN.

# Harga minyak sawit RM3,900 satu tan dianggap berpatutan

Pemulihan harga minyak kacang soya tingkat daya saing di pasaran global

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Harga** minyak sawit dijangka kekal disokong pada paras RM3,900 satu tan pada minggu mendatang berikutan pemulihan harga minyak kacang soya, demikian menurut Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC).

Ia berkata, pemulihan harga minyak kacang soya meningkatkan daya saing harga minyak sawit selepas didagangkan pada harga pre-

mium dalam pasaran global sejak Ogos 2024.

Jelasnya, pada paras RM3,900 satu tan, minyak sawit kini dianggap harga berpatutan.

"Akibatnya, China diunjur meningkatkan import minyak sawit pada Mei dan Jun untuk menambah inventori, serentak dengan permulaan musim panas yang biasanya menyaksikan penggunaan minyak sawit lebih tinggi di negara itu.

"Begitu juga, India dijangka memanfaatkan harga minyak sawit yang rendah pada masa ini untuk menambah inventori yang telah kehabisan, kerana jurang harga antara minyak sawit dan minyak kacang soya telah mengecil dalam pasaran domestik," katanya dalam satu kenyataan.

MPOC berkata, walaupun stok minyak sawit di Malaysia dijangka terus meningkat mulai April, kenaikan itu akan sederhana, dihadkan

oleh pertumbuhan pengeluaran tahunan yang lemah, terutama di Sabah.

Ia berkata, pengeluaran minyak sawit di Sabah merosot 10 peratus dari Januari hingga Mac 2025, mencapai tahap terendah dalam tempoh lima tahun.

Katanya, kekurangan pengeluaran itu akan mengehadkan pengumpulan inventori dan membantu menyokong harga minyak sawit.

"Dalam beberapa minggu akan datang, harga minyak sawit dijangka kekal disokong pada RM3,900 satu tan.

"Kestabilan ini disokong oleh pemulihan harga minyak kacang soya, yang meningkatkan daya saing harga minyak sawit.

"Penurunan berterusan dalam pengeluaran minyak sawit di Sabah kekal menjadi kebimbangan dan berkemungkinan mengehadkan sebarang pemulihan pengeluaran yang ketara dalam beberapa bulan

akan datang," katanya.

## Stok minyak sawit meningkat

MPOC berkata, stok minyak sawit Malaysia meningkat pada Mac 2025 selepas penurunan enam bulan berturut-turut, meningkat kepada 1.56 juta tan.

Menurutnya, peningkatan itu didorong kenaikan 16.8 peratus bulan ke bulan dalam pengeluaran minyak sawit, berikutan penuaian tertunda pada Februari berikutan hujan lebat dan banjir.

"Walaupun pemulihan pada Mac, pengeluaran terkumpul untuk suku pertama 2025 kekal terendah dalam tempoh tiga tahun dan penurunan pengeluaran tahun ke tahun berkemungkinan berterusan sehingga September.

"Akibatnya, jumlah pengeluaran minyak sawit pada 2025 boleh merosot kepada sekitar 19 juta tan, di bawah 19.3 juta tan yang dicatatkan pada 2024," katanya.



# Bisnes

+ Ikuti lebih berita di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)

## ‘Tak perlu tergesa-gesa laksana subsidi bersasar RON95’

Kerajaan disaran utamakan dasar fiskal sokong pertumbuhan ekonomi

Oleh Mohd Zaky  
Zainuddin dan Rafhanah  
Hazirah Ramli  
bhbiz@NSTP.com.my

Kerajaan tidak perlu tergesa-gesa melaksanakan rasionalisasi subsidi RON95 dalam masa terdekat, meskipun harga minyak mentah Brent menunjukkan trend penuhan kebelakangan ini.

Ketua Ahli Ekonomi OCBC, Selena Ling, berkata keperluan untuk melaksanakan penyerasan subsidi RON95 tidak begitu mendesak, sebaliknya kerajaan wajarn mengalih kepada keutamaan lebih besar dari sudut dasar fiskal seperti langkah balas kitaran untuk menyokong pertumbuhan negara dalam tempoh sementara ini.

“Bagi saya, Malaysia berada dalam kedudukan agak bertuah. Saya tidak merasakan keperluan mendesak terhadap subsidi RON-95 dan walaupun kerajaan tetap

ingin melaksanakannya, perolehannya sebenarnya jauh lebih rendah.

“Maksud saya, kos subsidi sekarang sebenarnya jauh lebih rendah berbanding apa yang mereka (kerajaan) jangkakan dalam belanjawan, iaitu sekitar AS\$75 satu tong,” katanya pada taklimat Tinjauan Ekonomi 2025 OCBC di Kuala Lumpur, semalam.

Harga minyak mentah Brent pada masa ini diniagakan di bawah AS\$70 satu tong berikutan ketidaktentuan ekonomi daripada tarif dan dasar monetari Amerika Syarikat (AS) boleh menjelaskan permintaan terhadap bahan api.

Pandangan Ling berbeza dengan pendapat sesetengah pengalisis yang melihat harga minyak mentah Brent rendah di bawah AS\$70 satu tong pada masa ini memberi ruang kepada kerajaan untuk meneruskan rancangan pelaksanaan subsidi bersasar RON95 meskipun persekitaran global mencabar.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berpendapat sebaliknya pelaksanaan subsidi bersasar RON95 tidak wajar ditangguhkan kerana kerajaan perlu berbelanja kepada perkara mendatangkan produktiviti tinggi seperti pendidikan, kesihatan dan infrastruktur.



Ling pada taklimat Tinjauan Ekonomi 2025 OCBC di Kuala Lumpur, semalam.



Beliau berkata, jika pelaksanaannya ditangguh, ia boleh menjelaskan kreditibiliti kerajaan dalam melaksanakan reformasi ekonomi.

Di samping itu, katanya, harga minyak mentah Brent berada di paras agak rendah dan ini membuka peluang bagi kerajaan melaksanakan rasionalisasi subsidi bahan api kerana perbezaan di antara harga subsidi dan harga pasaran adalah kecil.

Sementara itu, dalam taklimat sama, Ling berkata, OCBC menuarkan unjurian harga minyak

Brent bagi tahun ini kepada AS\$67 satu tong berbanding ramalan sebelum ini iaitu AS\$77 satu tong.

“Penurunan ini didorong permintaan global yang lemah dan bekalan minyak lebih tinggi daripada jangkaan, khususnya daripada pengeluar minyak OPEC+(Pertubuhan Negara Pengekspor Petroleum dan sekutu),” katanya.

**Harga komoditi terkesan**  
Pada masa sama, beliau berkata, harga komoditi global dijangka terus terkesan akibat ketegangan sektor perdagangan.

Bagaimanapun, OCBC menjanjikan harga minyak sawit mentah (MSM) akan kekal stabil sekitar RM4,300 satu tan pada 2025, berbanding RM4,218 satu tan tahun lalu.

“Keadaan ini mencerminkan bekalan yang stabil walaupun permintaan kekal tidak menurut serta perubahan dasar domestik seperti program biodiesel B40 di Indonesia,” katanya.

Mengulas prestasi ekonomi pula, Ling berkata, Malaysia memasuki fasa ketidaktentuan global dengan kedudukan asas yang mantap, selepas mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.1 peratus pada tahun lalu.

“Data terkini juga menunjukkan prestasi ekonomi yang masih kukuh walaupun dengan sedikit pertumbuhan sederhana pada suku pertama 2025,” katanya.

Keputusan AS mengenakan tarif ke atas negara yang mempunyai deficit perdagangan dengannya turut memberi kesan kepada Malaysia yang mencatatkan deficit dagangan kumulatif sebanyak AS\$24.8 billion pada 2024.

Susulan itu, Washington mengenakan tarif balas sebanyak 24 peratus terhadap produk import dari Malaysia, berkuat kuasa 5 April lalu, namun pelaksanaannya ditangguh selama 90 hari bermula 9 April lalu.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN

**BERITA ONLINE BERTARIKH 23 APRIL 2025**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
23-Apr	3 teras utama garis panduan baharu kutip royalti	<a href="https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2025/04/1387494/3-teras-utama-garis-panduan-baharu-kutip-royalti">https://www.bharian.com.my/ hiburan/ selebriti/2025/04/1387494/3- ters-utama-garis-panduan- baharu-kutip-royalti</a>	BERITA HARIAN
23-Apr	Taktik penyeleweng sorok petrol dalam stor gagal	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/724455/berita/semasa/taktik-penyeleweng-sorok-petrol-dalam-stor-gagal">https:// www.sinarharian.com.my/ article/724455/berita/ semasa/taktik-penyeleweng- -sorok-petrol-dalam-stor- gagal</a>	SINAR HARIAN
23-Apr	9,000 liter minyak petrol bersubsidi dirampas	<a href="https://www.asiatimes.com.my/2025/04/22/9000-liter-minyak-petrol-bersubsidi-dirampas/">https:// www.asiatimes.com.my/202 5/04/22/9000-liter-minyak- petrol-bersubsidi-dirampas/</a>	ASIA TIMES
23-Apr	Copyright applications in music sector lag behind literary works, says MyIPO	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/04/22/copyright-applications-in-music-sector-lag-behind-literary-works-says-myipo">https:// www.thestar.com.my/news/ nation/2025/04/22/copyright- applications-in-music- sector-lag-behind-literary- works-says-myipo</a>	THE STAR